



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 4, August 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
www.mssocialsciences.com

### **Pemikiran dalam Novel Siber *Kasih Darmia* dari Aspek Teori Estetika Bersepadu**

**Noor Hazwany Haji Arifin<sup>1</sup>, Salmah Jan Noor Muhammad<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Correspondence: Noor Hazwany Haji Arifin (puteri87n@gmail.com)

#### **Abstrak**

Alam siber adalah wadah yang mudah dan tidak memerlukan prosedur-prosedur yang sulit untuk menyiarkan sesebuah karya. Hal ini menyebabkan penulis-penulis muda menjadikan alternatif tersebut sebagai pilihan yang terbaik untuk berkarya secara aktif. Karya penghasilan penulis-penulis muda ini akan disiarkan di alam siber terutamanya di laman-laman web dan di blog-blog persendirian. Namun, perkara tersebut telah menyebabkan perselisihan pendapat dalam kalangan para sarjana mengenai estetika dan mutu yang amat dititikberatkan dalam sesebuah karya sastera. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis nilai estetika melalui pemikiran yang terdapat dalam novel siber *Kasih Darmia* karya Naniey TJ berdasarkan penerapan teori Estetika Bersepadu. Novel siber *Kasih Darmia* merupakan sastera siber sulung Naniey TJ yang ditulis sekitar November 2011 dalam laman blognya. Kajian novel ini menggunakan Estetika Bersepadu oleh Abdul Halim Ali bersandarkan kepada konsep keindahan yang tercerna di sebalik keindahan pemikiran dan perutusan agama yang kembali kepada Al-Quran sebagai teks asal yang memberi gambaran dan sifat keindahan hakiki yang mencerminkan keindahan manifestasi dalam teks kesusasteraan. Dalam menganalisis pemikiran novel siber *Kasih Darmia*, dapat dilihat keindahan dalaman yang menjawab persoalan estetika dan mutu yang terdapat dalam karya sastera di alam siber.

**Kata kunci:** laman web, novel siber, pemikiran, sastera siber, estetika bersepadu

### **Thoughts in Cyber Novel *Kasih Damia* from the Aspect of Intergrated Aesthetic Theory**

#### **Abstract**

The cyber world is actually an easy medium which does not need complicated procedures in order to publish ones literary works. This has been the reason on why the young authors choose it as the best medium to create more literary works actively. The works of the young authors will be published in the cyber world especially in their own personal websites. However, this also has caused misunderstanding between the scholars about the aesthetical and the quality that have always been focused on literary works. Therefore, this study will find out and analyse the aesthetical value through the thoughts that are found in cyber novel *Kasih Darmia* by Naniey TJ based on the application of Intergrated Aesthetic theory. Cyber novel *Kasih Darmia* is the first cyber literary work of Naniey TJ which was written somewhere in November 2011 in her personal blogsite. The study uses the Intergrated Aesthetic which is introduced by Abdul Halim Ali based on the concept of beauty which is divided by the beauty of thoughts and the religious messages from Al-Quran as the original text that represents the real beauty and reflects the manifestation of literary text. Analysing the thoughts in cyber novel *Kasih Darmia*

shows that the inside beauty actually answers the aesthetical problems in the literary works in the cyber world.

**Keywords:** websites, cyber novel, thoughts, cyber literature, intergrated aesthetic

---

## Pengenalan

Media siber yang berkembang pesat pada masa kini telah memberikan kesan kepada perkembangan pelbagai bidang ilmu, tidak terkecuali dalam bidang sastera. Perkembangan tersebut menyebabkan muncul penulis-penulis yang berminat untuk menggunakan teknologi digital bagi mentransformasikan penghasilan karya sastera bercetak kepada bentuk e-sastera yang dikenali sebagai sastera elektronik atau sastera siber.

Melalui perkembangan itu, sastera siber mula mendapat tempat oleh kebanyakan pengguna dan juga peminat sastera sebagai medan alternatif untuk meneruskan kesinambungan karya mereka menemui khayalak. Sebagai antara pilihan terbaik dalam berkarya, secara tidak langsung sastera siber bergerak sesuai dengan perkembangan semasa dalam dunia teknologi maklumat yang memungkinkan semua manusia berada dalam satu jaringan.

Seiring dengan wujudnya sastera siber, terdapat beberapa laman web utama yang menyediakan ruang untuk peminat dan juga kelompok penulis, terutamanya generasi baru untuk berkarya. Antaranya ialah laman pustakamaya.net, Melayu.com, karyanet.com.my, arahkiri.cjb.net, idealis-mahasiswa.net, www.esastera.com, dan beberapa lagi. Tidak dilupakan juga laman-laman blog peribadi penulis karya sastera seperti cintadarmia.blogspot.com, desaituindah.blogspot.com, cintaqasehsuci.blogspot.com, blogenovel.blogspot.com dan lain-lain. Namun antara yang banyak itu, laman blog peribadi penulis cintadarmia.blogspot.com dipilih kerana penghasilan karya novel siber daripada laman blog tersebut telah menjadi pilihan dan menarik perhatian penerbit SR Publication untuk diterbitkan dalam versi bercetak.

Novel siber *Kasih Darmia* merupakan sastera siber sulung Naniey TJ yang ditulis sekitar November 2011 secara maya di laman blognya. Novel siber ini kemudiannya diterbitkan secara bercetak dan diberi penjudulan yang baru iaitu *Setitis Kasih Darmia* pada bulan Ogos 2012. Novel ini mendapat sambutan hangat daripada para peminat novel apabila berada pada carta ke-9 novel paling laris di kedai buku POPULAR Ogos 2012 (20 Ogos 2012 - 26 Ogos 2012). Semasa disampaikan secara maya, penulis yang berasal dari Terengganu ini mendapat undian sebanyak 78% daripada pembaca untuk melayakkan digelar sebagai novel siber yang bertaraf lima bintang.

## Sorotan Kajian

Fenomena sastera siber yang semakin berkembang pesat pada era ini telah mencetuskan pandangan-pandangan yang positif dan negatif para sarjana. Antaranya Sohaimi Abdul Aziz dalam artikel *Dewan Sastera*, Julai 2010:14-20 yang bertajuk “Sains dan Teknologi Transformasi kepada Kesusasteraan”, menyatakan bahawa persoalan tentang kualiti sastera elektronik sering dibincangkan dan sering dianggap tidak bermutu. Dalam erti kata yang lain, sastera dianggap hilang estetika dan tiada nilai-nilai jati diri apabila diaplikasikan dalam bentuk digital.

Kemudian, Sasterawan Negara Datuk Dr. Mohd Anuar Ridhwan mengulas melalui Bernama.com pada 18 Ogos 2009 bahawa evolusi penulisan sastera yang kini mula berkembang di internet terutama dalam kalangan golongan muda tidak harus disekat walaupun terdapat karya yang kurang bermutu dan kurang mempunyai estetika yang baik. Ketika ditemubual dalam rancangan “*Appointment*” di Radio 24 itu, beliau tidak menganggap sastera itu rosak apabila ditulis dalam medium lain seperti internet kerana penulisan sastera di alam siber masih di peringkat evolusi. Justeru itu, mutunya belum boleh dipertikaikan tetapi tidak dinafikan juga bahawa bukan semua karya tidak bermutu kerana masih belum menjadi piawaian antarabangsa.

Selanjutnya, Azman Ismail dalam laporan yang bertajuk “Hescom 2007 Anugerah Kelas Kedua?” dalam *Utusan Malaysia* bertarikh 7 Januari 2008 menyebut bahawa karya sastera siber mengandungi ilmu pengetahuan, nilai pengajaran sama ada langsung atau tidak langsung, nilai estetik, nilai sentuhan intelektual, rasa dan emosi serta teknik yang menunjukkan pembaharuan, selain bersifat bebas. Berbalik kepada anugerah Hescom tersebut, Azman menyatakan bahawa keutamaan diberikan kepada nilai estetik atau pengucapan maksud secara berseni dengan menggunakan kata-kata secara terpilih dan mengandungi makna yang menjunjung keperibadian bangsa dan budaya.

Melihat pada pandangan yang lain pula, SM Zakir dalam *Utusan Mingguan Malaysia*, 13 Januari 2007, menyatakan bahawa dapat dibanggakan di Malaysia ialah kehadiran penulis-penulis muda yang sangat kukuh jati diri, etika, moral dan nilai keislamannya sehingga tidak keterlaluan jika dikatakan mereka sebagai generasi penulis ulul albab. Usaha oleh Dr. Irwan Abu Bakar melalui kelompok sastera siber berjaya menghimpun penulis muda yang bukan sahaja berpendidikan tinggi, ilmuwan, dan kritis tetapi juga tinggi keperibadian Islamnya. Karya-karya generasi ulul albab ini bukan sahaja memperlihatkan mutu estetika yang tinggi tetapi kekuahan etika dan moral yang mengagumkan.

Selain itu, Awla Akbar Ilma (2016) membentangkan kertas kerja yang membincangkan mengenai corak komuniti komunikasi yang telah berubah seiring dengan perkembangan teknologi. Hal ini menyebabkan berlakunya kesan capaian internet terhadap kemunculan laman web, blog, dan media sosial seperti facebook, twitter, dan sebagainya. Komunikasi berlaku tanpa memerlukan pertemuan supaya interaksi boleh berlaku bila-bila masa dan di mana sahaja. Kemunculan kerja siber adalah bukti kesan sedemikian mempengaruhi corak dan bentuk kesusteraan hari ini.

Seterusnya, Noor Hazwany Haji Arifin dan Salmah Jan Noor Muhammad (2016) dalam kajian mengenai tanggapan dan reaksi masyarakat terhadap karya sastera siber mendapati bahawa responden memberikan jawapan positif yang menunjukkan bahawa sastera siber mempunyai estetika dan mutu maklumat yang boleh diyakini.

## **Penyataan Masalah**


Berdasarkan kepada pengamatan sorotan kajian, didapati soal estetika karya sastera siber menjadi perbahasan para sarjana. Ini dapat dilihat apabila terdapat dua jalur pandangan yang berbeza terhadap estetika karya sastera siber. Jalur pertama mengatakan bahawa sastera siber mempunyai nilai estetika yang tinggi. Kemudian, jalur yang kedua pula mengatakan bahawa estetika sastera siber terjejas. Jadi, persoalannya di manakah nilai estetika karya sastera siber? Adakah mempunyai nilai estetika yang sama dengan karya sastera bercetak ataupun sebaliknya? Adakah kepopularan sesuatu karya sudah cukup membuktikan bahawa ianya benar-benar bermutu?

## **Objektif Kajian**

Bertitik tolak daripada persoalan yang dikemukakan, mengundang kajian ini dilakukan untuk:

- i. Mengenal pasti nilai estetika melalui pemikiran dalam novel siber yang dipilih iaitu *Kasih Darmia* karya Naniey TJ.
- ii. Menganalisis nilai estetika melalui pemikiran dalam novel siber *Kasih Darmia* dari aspek teori Estetika Bersepadu.

## Kerangka Konsep



## Kerangka Teoritikal

Lanjutan itu, kajian ini memilih untuk mengaplikasikan teori Estetika Bersepadu yang diperkenalkan oleh Abdul Halim Ali, seorang pensyarah di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak sebagai kerangka analisis. Teori ini pada asalnya adalah sebuah kerangka konsep yang digunakan dalam kajian akademik di peringkat ijazah kedoktoran pada tahun 2009. Teori ini dipilih berdasarkan kepada kesesuaian dengan kajian yang bersangkutan dengan nilai estetika dan kesusasteraan Melayu yang berpandukan kepada Islam. Walaupun tidak dinafikan bahawa teori ini berhasil berdasarkan teori Estetika dari Barat, namun konsep teori yang terjalin selari dengan keindahan yang terdapat dalam Islam.

### ***Teori Estetika Bersepadu: Satu Kerangka Analisis***

Kerangka konsep Estetika Bersepadu bersandarkan kepada konsep keindahan yang tercerita di sebalik keindahan gaya bahasa dan perutusan agama. Abdul Halim (2012) kembali kepada al-Quran sebagai teks asal yang memberi gambaran dan sifat keindahan hakiki yang mencerminkan keindahan manifestasi dalam teks kesusasteraan di samping buku *Manusia dan Islam* karya Haron Din terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1997, cetakan kedua sebagai asas rujukan dalam memahami hakikat kejadian manusia dan hubungannya dengan Tuhan serta hubungannya dengan makhluk yang lain.

Bagi Abdul Halim (2012), keindahan manifestasi tergambar pada makhluk ciptaan Allah SWT. Puncak kesempurnaan keindahan manifestasi ialah penciptaan manusia yang disifatkan Allah sebagai ciptaan paling sempurna dan indah. Abdul Halim merujuk pandangan Haron Din (1997) yang menyebut, keindahan ciptaan manusia terdiri daripada dua bentuk iaitu keindahan jasmani dan keindahan nafsani.

Walaupun kedua-dua keindahan ini memang dituntut supaya dijaga, namun Islam menyuruh supaya meletakkan keindahan kedua (keindahan nafsan) sebagai asas dan matlamatnya dalam usaha pembentukan kesempurnaan diri sepanjang usia hidupnya di dunia (Haron Din, 1997:2).

Kesepadan unsur indah jasmani dan nafsan manusia menjadikan manusia sebagai makhluk dalam keadaan paling sempurna (indah). Diterangkan Allah dalam al-Quran dalam beberapa Surah seperti Surah Nuh, ayat 17, Surah as-Sajadah, ayat 7-9, Surah al-Mu'minun, ayat 23, Surah al-Isra' ayat 70 dan juga keterangan al-Hadis. Berasaskan keterangan al-Quran, hadis dan keterangan sejarah Islam, keindahan dan kesempurnaan kejadian manusia berlaku menerusi proses penyepaduan pelbagai unsur jasmani dan rohani yang membezakan makhluk manusia dengan makhluk-makhluk yang lain. Manusia yang diciptakan ini mempunyai hubungan langsung sebagai hamba kepada Pencipta (vertikal) dan sebagai pelengkap kepada makhluk-makhluk yang lain (horizontal). Manusia diberikan tugas sebagai Khalifah, menyampaikan dan melaksanakan perintah Tuhan, iaitu menyampaikan perutusan kebenaran (haq) kepada manusia yang lain. Dalam konteks melaksanakan tanggungjawab itu, manusia pada hakikatnya adalah diciptakan hanyalah dengan tujuan supaya mengabdikan diri kepada Tuhan dalam semua urusan.

Abdul Halim (2012) percaya teks kesusasteraan mempunyai fungsi dan sifat yang hampir sama dengan manusia. Teks kesusasteraan bukan semata-mata teks, tetapi adalah sebuah amanah yang mengisi pengajaran dan membawa perutusan Pencipta yang hakiki pada pengarang ('pencipta' manifestasi) untuk membawa manusia dengan kebenaran supaya mengabdikan diri kepada Pencipta yang hakiki. Oleh itu, menurut Abdul Halim, teks kesusasteraan juga adalah 'teks keindahan' yang lahir daripada proses penyepaduan pelbagai unsur bahasa, idea dan pemikiran, pengajaran dan perutusan.

Menurut Abdul Halim (2012) lagi, misteri keindahan yang tergambar dalam fikiran dan yang hadir di hadapan mata atau yang dapat dirasai dan dinikmati oleh pancaindera dan perasaan hanya dapat difahami jika memahami rahsia dalam penciptaan manusia itu sendiri. Penyepaduan merupakan kunci utama sebuah proses yang menghasilkan keindahan. Unsur-unsur yang bersepada atau disepadukan dalam teks itulah yang paling asas diteliti dan diperhalusi bagi memahami makna keindahan di dalam teks.

Sebagaimana makhluk manusia yang terdiri daripada kesepadan unsur rohani dan jasmani, akal dan pemikiran; teks kesusasteraan juga dibangunkan oleh pengarang dengan proses penyepaduan unsur rohani dan jasmani, akal dan pemikiran, emosi dan ilmu. Bahasa adalah unsur jasmani teks, manakala tema dan persoalan, idea dan pemikiran, pengajaran dan perutusan adalah unsur rohani(dalam) teks. Oleh sebab itu juga, Abdul Halim (2012) menterorikan untuk memahami makna keindahan dalam teks melalui unsur-unsur luaran (jasmani) dan dalaman (rohani) teks yang perlu diteliti dan diperhalusi serta digembeleng proses pencarian maknanya berlandaskan kesepaduan.

### **Asas Prinsip Teori Estetika Bersepada**

Teras teoretikal Estetika Bersepada ialah keindahan bermakna yang mendokong kebenaran. Keindahan teks terbahagi kepada dua iaitu keindahan luaran yang meliputi estetik bahasa yang tergambar pada penggunaan unsur-unsur dan gaya bahasa. Kedua, keindahan dalaman yang meliputi estetik perutusan tergambar pada pemikiran pengarang yang seajar dengan kebenaran (seajar dengan ajaran agama Islam dan seajar dengan realiti). Kebenaran adalah teras penting Estetika Bersepada. Teks kesusasteraan seharusnya mendokong kebenaran di sisi agama dan di sisi realiti. Ini bermakna teks kesusasteraan bukannya semata-mata imaginasi atau fantasi kosong pengarang, sebaliknya sebuah wadah ilmu, dakwah dan pengajaran untuk membawa manusia kepada kebenaran agama dan realiti (bukan angan-angan atau fantasi). Teks mempunyai hubungan bermakna dengan Pencipta, pengarang, agama dan realiti. Teks tidak bersifat autonomi, sebaliknya berfungsi dalam ikatan yang dibataskan oleh ajaran agama, norma-norma kehidupan dan kebenaran. Melalui kerangka analisis yang dipilih, kajian akan menggunakan kaedah analisis teks bagi menerapkan teori dalam novel siber yang digunakan.

## **Pemikiran Pengarang Novel Siber Kasih Darmia**

Seperti yang telah dinyatakan, kajian ini memilih Estetika Bersepadan sebagai kerangka analisis yang berteraskan keindahan dalaman yang hakiki. Keindahan dalaman meliputi aspek pemikiran dan mesej yang mahu disampaikan oleh pengarang. Pemikiran merupakan idea utama pengarang atau tema keseluruhan dalam sesebuah karya yang mahu disampaikan penulis. Menurut Ali Ahmad (1978:13), pemikiran merupakan aspek yang penting yang tersirat dan tersurat dalam karya. Penulis sering berpandukan pada suatu fikiran untuk menghasilkan sesuatu karya. Sesebuah karya yang baik mempunyai idea yang terkawal dan tema yang mengawal idea tersebut. Tema pula ialah isu utama atau persoalan pokok yang mendasari sesebuah karya sastera. Tema juga merupakan gagasan pemikiran pengarang yang ingin disampaikan melalui karyanya. Daripada tema yang menjadi isu utama dalam karya akan tercetusnya persoalan-persoalan lain yang digarapkan penulis dalam karyanya.

Berdasarkan keseluruhan novel siber *Kasih Darmia*, tema yang disampaikan dalam keseluruhan novel ini adalah cinta dan kasih sayang. Melalui watak utama iaitu Darmia terdapat perasaan cinta dan kasih sayang kepada ahli keluarga, jiran dan sahabatnya. Dapat dilihat dalam novel ini, walaupun dia tidak disukai oleh ibu saudaranya iaitu Mak Long Latifah dan Mak Ngah Salmah tetapi Darmia tidak pernah membenci kedua ibu saudaranya itu kerana rasa kasih dan sayangnya kepada saudara yang mempunyai pertalian darah dengannya selain mendengar nasihat Opah. Perkara ini dapat dilihat dalam novel siber apabila Darmia yang sering dimaki dan dikeji Mak Long Latifah datang ke rumah ibu saudaranya itu untuk menziarah kakak saudaranya iaitu Haliza yang pulang ke kampung. Segala kata-kata kejian dan makian yang dihambur atas dendam lama tidak disimpan di dalam hati Darmia kerana perasaan cinta dan kasih sayang yang mendalam terutamanya kepada ahli keluarganya sendiri.

Melalui tema kasih sayang dan cinta yang menjadi idea keseluruhan novel, terdapat beberapa persoalan yang dicetuskan oleh pengarang antaranya persoalan kemiskinan, persoalan kemasyarakatan, persoalan kemanusiaan, persoalan keindahan alam dan persoalan ketuhanan. Persoalan pertama iaitu kemiskinan dapat dilihat dalam novel siber apabila Darmia dan opahnya tinggal di rumah kayu yang usang, tiada perabot dan berasal tikar mengkuang. Digambarkan juga kemiskinan yang dihadapi semasa Khairul Amir menumpang tidur di rumah Opah yang hanya menggunakan tilam yang nipis dan agak lusuh. Selain itu, kemiskinan dapat juga dilihat apabila Darmia diajar sejak dari kecil membantu Opah di kebun dan apabila dewasa Darmia pula yang mengusahakan kebun Opah selain menternak ayam, itik dan ikan keli. Hasil tanaman dan ternakan yang diperolehi digunakan untuk menampung kehidupan sehari-hari mereka. Kemiskinan dalam novel dipaparkan lagi apabila Darmia yang mempunyai keputusan SPM yang baik tidak dapat menyambung pengajiannya kerana tidak mempunyai duit yang cukup.

Seterusnya adalah persoalan kemasyarakatan. Dalam persoalan ini dapat dilihat dalam novel adanya masyarakat yang masih menerapkan budaya timur dalam kehidupan sehari-hari. Budaya timur yang digambarkan adalah semasa pulang ke kampung, Darmia memakai baju kebaya, berkain batik dan bertudung yang menampakkan Darmia sebagai gadis kampung yang tidak lupa diri setelah bekerja di bandar. Ini bertentangan dengan kakak saudaranya, Haliza yang berpakaian moden dengan mengenakan blaus merah hati bersama jeans putih. Selain itu, dapat dilihat masyarakat yang bergaul dengan baik sesama jiran tetangga. Dapat dilihat apabila Darmia hendak berangkat ke bandar, jirannya iaitu Maimunah menawarkan diri untuk menjaga Opah. Kesanggupan Maimunah untuk menjaga Opah adalah kerana terhutang budi dengan segala kebaikan dan pertolongan yang diberikan dengan ikhlas oleh Opah dan Darmia kerana Maimunah merupakan seorang janda yang hidup sebatang kara dan Opah menjadi tempat dia mengadu nasib. Ini menggambarkan bahawa masyarakat Melayu begitu menghargai dan menjunjung tinggi budi. Mereka menilai segala sesuatu itu berdasarkan pada budi bukan dinilai pada paras rupa. Budi ialah pekerti yang baik atau akhlak terpuji termasuklah tutur kata dan budi bahasa yang baik, keikhlasan, kejujuran, kebenaran, pemurah, belas kasihan, bertimbang rasa, tolong-menolong, berjasa dan berbakti (Zaidi Ismail, 2005: 12-14).

Dalam Islam, banyak mewasiatkan umatnya agar sentiasa menjaga dan memelihara hubungan dengan jiran. Menyedari betapa tingginya kedudukan jiran di dalam Islam dan peranannya dalam kehidupan manusia. Allah S.W.T berfirman dalam Al-Quran. Maksudnya:

*“Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekuatkan-Nya dengan sesuatu pun dan berbuat baiklah terhadap kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin yang terdekat dan tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh, teman sejawat dan ibnu as-sabil.”*

*(Surah an-Nisa': ayat 36)*

Rasulullah S.A.W juga sering memperingatkan dalam hadisnya supaya sentiasa menjaga hubungan baik dengan jiran dan sentiasa berbakti serta memuliakan mereka. Antara pesanan baginda ialah:

*“Sentiasalah Jibrail berwasiat kepadaku mengenai jiran, sehingga aku menyangka bahawa sesungguhnya dia (jiran) layak untuk diwarisi (mendapatkan harta pusaka).”*

*(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)*

Persoalan yang selanjutnya adalah kemanusiaan. Dapat dilihat dalam novel siber terdapatnya watak yang mempunyai sifat yang negatif dan juga positif. Digambarkan bahawa watak Khairul Amir yang merupakan suami kepada Darmia mempunyai sifat yang tidak berperikemanusiaan apabila dengan kejam sentiasa mendera fizikal dan mental Darmia secara berterusan. Antara penderaan yang dilakukan adalah Khairul Amir mahu mengugut Darmia untuk membongkarkan rahsia selama 4 tahun yang selama ini tersimpan rapi kepada Haliza sekiranya Darmia tidak mahu menurut kehendaknya dan berlaku curang. Segala tingkah laku Darmia diperhatikan sehingga membuatkan Darmia menjadi takut dan sentiasa berhati-hati terutama apabila berbual dengan kenalan lelaki. Tetapi berlainan pula dengan Darmia yang mempunyai sifat yang positif. Darmia disifatkan sebagai seorang yang sabar dan tabah dalam mengharungi kehidupannya sebagai seorang isteri walaupun dituduh cuba memerangkap suaminya dulu untuk bernikah kerana mahukan harta. Ketabahan dan kesabaran Darmia berbalas apabila Khairul Amir akhirnya jatuh cinta kepada Darmia.

Persoalan yang berikutnya adalah keindahan alam. Keindahan alam dilihat digarap dengan baik oleh penulis. Digambarkan air terjun yang terdapat di Kampung Hulu Haji Lebai mempunyai permandangan yang cantik dan alam semula jadi yang indah yang memberi ketenangan kepada pengunjungnya. Darmia yang mengisi masa lapangnya dengan melukis gambar pemandangan di situ dan dijadikan hiasan gambar di bilik dan ruang tamu rumah Opah. Selain itu, Darmia mempunyai kebun bunga yang ditanam di laman rumah Opah. Bunga ros yang menjadi pilihan cantik tersusun dan berkembang mekar pada waktu pagi. Darmia menanam bunga ros kerana harumannya boleh menenangkan fikiran.

Kemudian, terdapatnya persoalan ketuhanan. Persoalan ketuhanan dapat dilihat apabila pengarang berpegang kepada dasar kepercayaan bahawa manusia tiada berdaya melainkan berserah kepada Allah. Manusia tidak berkuasa untuk mendapatkan segala yang diingini kerana Allah yang berkuasa dalam memberi rezeki kepada makhluknya dan juga atas segala yang berlaku dalam kehidupan yang fana ini. Ini dapat dilihat apabila Opah tidak menyusahkan anak-anaknya dalam menyediakan keperluan seperti makanan dan tempat tinggal kerana dengan usaha berkebun, menternak dan rezeki yang ada sudah cukup untuk menampung kehidupannya bersama dengan Darmia. Darmia dan Opah bersyukur kerana mereka tidak pernah kelaparan dan meminta bantuan daripada orang lain terutamanya anak-anak Opah iaitu Mak Long Latifah dan Mak Ngah Salmah. Pengertian syukur secara umumnya ialah tanda terima kasih manusia atas segala nikmat yang diperolehnya daripada Allah SWT. Melalui tanda syukur tersebut, dijanjikan tambahan nikmat daripada Allah SWT, sedangkan orang yang tidak berterima kasih akan diberikan seksaan yang pedih. Kelebihan syukur akan dapat memperoleh kenikmatan dengan sempurna, dapat mengikis sifat somborg dan meningkatkan kualiti hati manusia.

Melalui tema dan persoalan-persoalan yang terdapat dalam novel, dapat dilihat beberapa mesej dan pengajaran yang disampaikan oleh pengarang. Antaranya berkenaan dengan moral yang dikaitkan dengan pengalaman-pengalaman hidup manusia. Segala pengalaman hidup manusia sama ada yang pahit mahu pun manis, yang baik maupun tidak disalurkan dan diungkapkan dalam *Kasih Darmia*. Moral yang baik dapat dilihat pada perwatakan Darmia yang baik amat disenangi ramai menyebabkan Darmia menjadi dambaan ramai lelaki seperti Rizuan dan Zulfeqar. Berbanding dengan moral yang negatif yang dimiliki oleh sepupu Darmia iaitu Anis Alisa. Lisa digambarkan sebagai seorang yang

malas, sosial dan bergaul bebas. Ini dapat dilihat apabila Lisa berpura-pura baik dan rajin bertujuan untuk menggoda tunang kakaknya sendiri iaitu Khairul Amir. Namun, kepura-puraan Lisa terbongkar apabila dia mengandung anak luar nikah hasil perbuatan zinanya dengan Daniel, anak ketua kampung. Kejadian itu menyebabkan Lisa dihalau dari rumah dan Mak Long Latifah tidak mahu mengaku Lisa sebagai anaknya.

Selain itu, pengajaran yang penting yang perlu dinyatakan adalah rasa insaf dan bertaubat Khairul Amir pada peleraian plot apabila mahu menawan kembali kasih Darmia. Khairul Amir yang pada mulanya mempunyai moral yang negatif iaitu suka berpoya-poya, mendera Darmia dan melupakan agama akhirnya berubah menjadi seorang yang penyabar, setia pada isteri, bertanggungjawab dan patuh pada ajaran agama. Perubahan yang berlaku pada Khairul Amir adalah kerana dia mula jatuh cinta dengan Darmia yang sentiasa sabar dengan kerendahnya dan sentiasa menurut kata selain terpesona dengan kecantikan dan kelembutan Darmia. Melalui moral yang positif dan negatif seperti yang dibincangkan, dapatlah dikatakan bahawa pengalaman-pengalaman hidup pengarang dapat disalurkan melalui aspek pengajaran dan pengetahuan yang diaplikasikan bagi membentuk nilai-nilai moral yang baik dan dijadikan cerminan perbandingan atau contoh teladan dan batas sempadan bagi moral yang tidak baik.

## Kesimpulan

Dengan menerapkan aspek Estetika Bersepadu, didapati perbincangan ini berhasil mengenal pasti nilai estetika melalui pemikiran yang terdapat dalam novel siber *Kasih Darmia* dan membincangkan nilai estetika melalui pemikiran dalam novel siber berdasarkan teori yang diterapkan. Dapatlah dikatakan bahawa novel siber *Kasih Darmia* menepati nilai estetika yang terdapat dalam Estetika Bersepadu iaitu mementingkan keindahan dalaman berdasarkan kesepaduan yang terdapat dalam Islam. Dalam keindahan dalaman mementingkan pemikiran dan moral yang baik berdasarkan kepada ajaran agama.

Lanjutan daripada penerapan teori Estetika Bersepadu dalam novel siber yang dipilih dapat menjawab jalur-jalur pandangan yang berbeza daripada para sarjana mengenai karya sastera siber khususnya daripada genre novel. Justeru itu, adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa karya yang diterbitkan secara siber mempunyai nilai estetika yang sama dengan karya bercetak cuma cara penyampaiannya yang berbeza.

## Rujukan

- Abdul Halim Ali, Mana Sikana & Azhar Wahid. (2012). *Prosiding: Seminar Teori dan Kritikan Sastera Malaysia*. Tanjung Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Abdul Halim Ali. (2012). "Estetika Nadi Kesusteraan". *Dewan Sastera*, Mac 2012.
- Ali Ahmad. (1994). *Pengantar Pengajian Kesusteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1986). *Aliran dalam Kesusteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Awla Akbar Ilma. (2016). "Budaya Komunikasi Kontemporer dan Kemunculan Karya Sastera Postmodernism". Prosiding Seminar Nasional UU ITE VS Budaya Komunikasi, Indonesia.
- Azhar Hj. Wahid. (2011). *Globalisasi Sastera Siber*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Baharudin Ali Masrom, Zaini Ujang dan Fatini Yaacob. (1992). *Fenomena Remaja*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd, Julai 1992.
- Haron Din. (1997). *Manusia dan Islam Jilid Dua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://cintadarmia.blogspot.com/2011/11/sinopsis-cinta-darmia.html> diakses pada 23 April 2017 jam <http://jurnalteori.webs.com/> diakses pada 25 April 2017 jam 2.05 am.
- <http://komsas-spm.blogspot.com/2012/02/aspek-kajian-komsas.html> diakses pada 24 April 2017 jam 10.19pm.
- <http://teorisastera.blogspot.com/> diakses pada 24 April 2017 jam 11.37pm.

- [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0412&pub=UtusanMalaysia&sec=Rencana&pg=re\\_07.htm#ixzz2Gq4s5EWm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0412&pub=UtusanMalaysia&sec=Rencana&pg=re_07.htm#ixzz2Gq4s5EWm) diakses pada 27 April 2017 jam 8.39pm.
- [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0107&pub=utusanmalaysia&sec=sastera&pg\\_sa\\_01.htm#ixzz2GvbfdPb](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0107&pub=utusanmalaysia&sec=sastera&pg_sa_01.htm#ixzz2GvbfdPb) diakses pada 27 April 2017 jam 11.45pm.
- Irwan Abu Bakar & Hasimah Harun. (2008). *Berkarya di Alam Siber*. Kuala Lumpur: eSastera Enterprise.
- Irwan Abu Bakar. (2004). "Masa Hadapan Sastera Anda dalam E-sastera". *Dewan Sastera*, November 2004: 14-19.
- Irwan Abu Bakar. (2004). "Sastera Siber Menenggelamkan Sastera Konvensional". *Dewan Sastera*, November 2004: 10-13.
- Irwan Abu Bakar. (2004). "T. Alias Taib dan Karya Siber". *Dewan Sastera*, November 2004: 32-33.
- Maizatul Akmal Sulong. (2002). "Puisi-puisi Penyair Pilihan Penerima Anugerah S.E.A Write Award: Satu Analisis Pemikiran". *Bachelor Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Dahri Zakaria. (2004). "Sastera Siber Sebagai Wadah Alternatif". *Akhbar Mahasiswa*, Februari 2004.
- Muhammad Shohib(peny). (2007). *Al-Quran Terjemah Tajwid*. Bandung: PT Sygma Examedia Arkanleema.
- Nanney TJ. (2012). *Setitis Kasih Darmia*. Selangor: SR Publication.
- Noor Hazwany Haji Arifin & Salmah Jan Noor Muhammad. (2016). "Persepsi Masyarakat Terhadap Mutu Maklumat Sastera Siber". *Jurnal Kesidang*, 1, 1, 2016: 173-193.
- Rashiqah Ilmi Abd Rahim. (2004). "Sastera Siber vs Sastera Konvensional". *Berita Harian*, 18 November 2004: 24.
- Shamsinor Yunus. (2002). Analisis Pemikiran dalam "Novel-novel Hadiah Melayu Baru". *Master Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sheikh Othman Sheikh Salim. (1993). *Kamus Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2010). "Sains dan Teknologi Transformasi kepada Kesusasteraan". *Dewan Sastera*, Julai 2010:14-20.
- Suzaini Hassan. (2012). "Estetika Bahasa dalam Puisi A. Samad Said". *Kertas Projek Master Bahasa Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, Januari 2012.